

NO SOALAN : 287

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN NO. 287**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian yang terkini berkenaan pembinaan 2 buah Balai Bomba di kawasan Gambang dan Bandar Sungai Lembing di bawah Parlimen Paya Besar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenal pasti sebuah bangunan yang boleh ditukar guna menjadi balai bomba. Justeru, KPKT telah memohon sebanyak RM4.0 juta peruntukan bagi perolehan bangunan tersebut dalam RMKe-11 Rolling Plan Keempat (RP4) Tahun 2020 bagi menaiktaraf bangunan sebagai Balai Bomba dan Penyelamat Gambang.
2. KPKT juga telah memohon projek pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Sungai Lembing, Pahang dalam RMKe-11 RP4 Tahun 2020 dengan kos projek berjumlah RM5.2 juta.
3. Sekiranya diluluskan, perolehan dan pembinaan kedua-dua bangunan Balai Bomba dan Penyelamat tersebut akan dimulakan pada awal tahun 2020. Tempoh perolehan dan pembinaan adalah sekurang-kurangnya selama 18 bulan.

Sekian, terima kasih.